



PANDUAN PERKHIDMATAN

Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Wakil/Eksekutif Kewangan Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambah seperti yang dinyatakan.



Perkhidmatan yang anda boleh harapkan daripada Wakil/Eksekutif Kewangan Bank Kami

SEBELUM ANDA MEMBELI POLISI



MEMBANTU

- Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.
- Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.



MENERANGKAN

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan memudahkan anda membuat perbandingan produk.

APABILA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMBELI POLISI



MEMBANTU

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.
- Mengatur pemeriksaan perubatan dengan salah sebuah daripada klinik panel kami, jika perlu.
- Memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan wang polisi diterima oleh penama/waris sekiranya berlaku kematian.



MENERANGKAN

- Anda boleh mengambil polisi dokumen anda dalam tempoh 14 hari, selepas anda menerima pemberitahuan daripada **Syarikat Insurans A**.
- Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat polisi kepada anda bagi memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.

SEMASA TEMPOH POLISI



PERKHIDMATAN POLISI YANG BERTERUSAN

- Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada **Syarikat Insurans A**, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.



MEMBANTU ANDA DALAM MEMBUAT TUNTUTAN

- Membantu dalam mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada **Syarikat Insurans A**.